

**PEMBANGUNAN DAYA MANUSIA DALAM PROGRAM GERAKAN DAYA
WAWASAN**

Kajian Kes: Kampung Pak Rahmat, Kota Bharu, Kelantan

NORAZILA BINTI CHE HASHIM

Laporan Projek Sarjana Muda ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah.

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MAC, 2004

ABSTRAK

Pembangunan manusia merupakan teras kepada program pembangunan luar bandar masa kini. Gerakan Desa Wawasan telah dilancarkan pada tahun 1996 di mana menekankan kepada penglibatan penduduk dalam proses perancangan program pembangunan desa. Walaupun Gerakan Desa Wawasan telah dilaksanakan namun aspek pembangunan manusia pada masyarakat luar bandar tidak tercapai sepenuhnya kerana program tersebut lebih tertumpu dalam bidang fizikal dan pembasmian kemiskinan. Penambahbaikan berterusan masih diperlukan kerana sikap dan daya masyarakat luar bandar masih belum mencapai tahap yang membolehkan mereka untuk bersaing dalam menghadapi cabaran semasa yang semakin kompleks dan mencabar. Lanjutan dari senario tersebut, kerajaan telah melancarkan Gerakan Daya Wawasan sebagai sintesis strategik dan penambahbaikan kepada Halacara Baru Pembangunan Luar Bandar (1984) dan Gerakan Desa Wawasan (1996). Daya dari aspek Gerakan Daya Wawasan adalah lebih cenderung kepada membangunkan potensi manusia itu sendiri kerana ia merupakan satu dorongan dan ketahanan diri berbanding dengan desa yang lebih cenderung kepada aspek fizikal. Pelancaran Gerakan Daya Wawasan ini memfokuskan kepada tiga aspek utama daya iaitu daya manusia, daya ekonomi dan daya pasaran. Sebagai kajian perintis, kajian ini telah cuba memfokuskan dan mengukur konsep daya manusia dengan melihat kepada aspek modal insan, potensi diri dan modal sosial. Analisis kedudukan semasa daya manusia dilakukan berdasarkan ciri-ciri penduduk seperti umur, jantina, taraf pendidikan, tahap kesihatan, pengalaman dalam pertubuhan, kemahiran yang dimiliki, tahap kefahaman serta penglibatan dalam program Gerakan Daya Wawasan. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat beberapa kelemahan daya manusia dalam kawasan kajian iaitu dari segi taraf pendidikan, kesihatan, penguasaan komputer, penyertaan dalam aktiviti kampung dan hubungan dengan pihak luar. Bagi mempertingkatkan kelemahan tersebut, maka beberapa cadangan telah dikemukakan antaranya mempertingkatkan pendekatan *bottom-up*, memperkasakan JKKK sebagai penggerak GDW, program motivasi dan ceramah untuk mempertingkatkan tahap mentaliti dan kefahaman penduduk terhadap konsep GDW, program usahasama dengan institusi pendidikan tinggi tempatan, mempertingkatkan program dan kemudahan pendidikan bagi melahirkan penduduk yang berilmu, kempen cara hidup sihat, program pembangunan spiritual dan kerohanian, meningkatkan kemahiran penduduk dalam bidang ICT dan program yang bersesuaian untuk semua peringkat umur, jantina, tahap pendidikan dan taraf perkahwinan. Hasil kajian ini akan menjadi panduan bagi pihak yang berkait dengan pelaksanaan Gerakan Daya Wawasan, dalam merumuskan kedudukan semasa daya manusia dan program yang sesuai untuk meningkatkan pencapaian daya manusia.

ABSTRACT

Human development is the core to rural development programs. Rural Vision Movement was launched in 1996 and focused on the involvement of local residents in the rural development program planning process. This Rural Vision Movement did not achieve its entire mission because it focused on physical development and poverty eradication. Continuous improvement is very much needed, as the rural communities have not reached the competitive standard. They are still not able to compete and face challenges outside. The government then launched the Vision Ability Movement as a strategic synthesis and improvement to the New Rural Development Direction (1984) and Rural Vision Movement (1996). The Vision Ability Movement will focus on developing human abilities. This vision focused on three main abilities: human abilities, economic abilities and market abilities. This is the pioneer research into this field and will focus on the human capital, self-potential model and social capital. Analysis will be carried out based on characteristics like gender, age, education level, health, experience in organizations, skills possessed and level of understanding regarding this Vision Ability Movement. The research findings show that the weaknesses of human abilities in study area are in aspect of education level, health, computer skill, participation in Ability Vision Movement programme and relationships with others. There are a few recommendations to improve these advantages such as increase the *bottom-up* approach, strengthen JKKK to drive the Ability Vision Movement, motivation programs and talks to elevate the mentality and understanding of the villagers about Ability Vision Movement, increase education programs and facilities, healthy life style campaign, spiritual development program, increase knowledge in ICT and suitable programs for villagers of all ages, gender, education level and marital status. This research will be a guideline for all individuals and parties involved in the implementation of this Vision Ability Movement.